

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[SEKIJANG]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pembekal tabung oksigen menghadapi masalah pembekalan dan adakah pihak Kementerian dapat mengawal dan merasionalisasikan harga tabung oksigen ekoran daripada permintaan bekalan oksigen yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berikutan daripada peningkatan mendadak kes positif COVID-19 kategori 4 dan 5 mulai Mei 2021, penggunaan oksigen didapati mengalami peningkatan di luar daripada kebiasaan. Walau bagaimanapun, pihak pembekal masih berkeupayaan untuk membekalkan silinder oksigen dalam menangani isu permintaan bekalan oksigen yang tinggi.
2. KKM juga telah menambah kapasiti bilangan silinder oksigen dengan membuat pembelian 10,000 silinder oksigen baharu. Pembelian silinder oksigen baharu ini bagi memastikan KKM mempunyai silinder yang cukup pada setiap masa.
3. Namun, rasionalisasi harga tong silinder adalah sukar dilaksanakan kerana bekalan diperolehi daripada negara pengeluar yang berbeza. Oleh itu, syarikat tidak dapat bersetuju dengan harga tawaran yang sama. Harga adalah bergantung kepada tawaran yang diterima daripada pihak pengeluar.

Sekian, terima kasih.